



**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**SIARAN AKHBAR**

**MAJLIS PENYAMPAIAN PENGURNIAAN PINGAT KERJA LAMA (P.K.L)  
SEMPENA ULANG TAHUN HARI KEPUTERAAN  
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA  
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
YANG KE-78 TAHUN BAGI TAHUN 2024 BAGI KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI  
serta JABATAN-JABATAN DI DALAMNYA**

**Sabtu, 09 Muharram 1447H bersamaan 05 Julai 2025M**

---

Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah mengadakan Majlis Penyampaian Pengurniaan Pingat Kerja Lama (P.K.L) sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-78 Tahun bagi Tahun 2024 pada hari Sabtu, 09 Muharram 1447H bersamaan 05 Julai 2025M, bertempat di Dewan Bankuet, Majlis Mesyuarat Negara, Jalan Dewan Majlis, Bandar Seri Begawan.

Hadir bagi menyempurnakan penyampaian pingat-pingat berkenaan ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr Awang Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Turut hadir ialah Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal), Setiausaha Tetap, Pemangku Setiausaha-Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan dan bahagian serta pegawai-pegawai kanan Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah oleh Yang Mulia Awang Haji Md Azrol Alim bin Haji Zaini, Pegawai Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan diteruskan dengan penyampaian Pingat Kerja Lama (P.K.L) oleh Tetamu Kehormat Majlis.

Seramai 223 orang telah menerima Pingat Kerja Lama (P.K.L), terdiri daripada pegawai dan kakitangan Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta Jabatan-Jabatan di dalamnya termasuk pegawai dan kakitangan daripada Pejabat Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Majlis ini diadakan adalah sebagai pengiktirafan dan penghargaan jasa kepada pegawai-pegawai dan kakitangan yang telah berkhidmat lebih daripada 20 tahun serta mengenang jasa dan bakti yang telah dicurahkan sepanjang berkhidmat dalam perkhidmatan awam.

-TAMAT-

Disediakan oleh:

Bahagian Pembangunan Sumber Manusia dan Hal Ehwal Korporat

Kementerian Kewangan dan Ekonomi

Negara Brunei Darussalam

Emel: pr@mofe.gov.bn

Rujukan: KKW/ADM/104

Tarikh: 09 Muharram 1447H

05 Julai 2025M